



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah




PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN PENGGUNAAN CAKERA PADAT
INTERAKTIF (CDRI) DALAM PEMBELAJARAN
PENULISAN KARANGAN NARATIF MURID TAHAP 2
DI SEKOLAH KEBANGSAAN DESA JAYA**



NORHISHAM BIN ARIFFIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2013**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**KEBERKESANAN PENGGUNAAN CAKERA PADAT INTERAKTIF
(CDRI) DALAM PEMBELAJARAN PENULISAN KARANGAN
NARATIF MURID TAHAP 2 DI SEKOLAH KEBANGSAAN DESA JAYA**

NORHISHAM BIN ARIFFIN



**LAPORAN PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(INTRUKSIONAL TEKNOLOGI)**

**FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2013





PENGAKUAN

Saya akui bahawa kertas projek ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satu saya jelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa kertas projek ini tidak pernah dikemukakan terdahulu atau masa kini untuk penganugerahan sarjana-sarjana lain di Universiti Pendidikan Sultan Idris atau pun institusi pengajian lain.





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Segala puji dan sanjungan hanya untukNya; selawat serta salam untuk junjungan agung Muhammad Rasulullah S.A.W. pelita petunjuk alam semester. Syukur kepada Allah S.W.T., kerana dengan hidayah dan inayahNya kertas projek ini berjaya disiapkan sebagai memenuhi syarat untuk saya memperolehi Sarjana Pendidikan (Teknologi Instruksional).

Pada kesempatan ini,ucapan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah mengajar saya. Kalungan penghargaan dan terima kasih ingin saya rakamkan khasnya kepada Prof. Madya Dato' Dr. Abd Latif bin Haji Gapor yang sentiasa membantu, membimbing dan memberikan tunjuk ajar sehinggalah kertas projek ini berjaya dihasilkan. Tidak lupa juga, kepada En. Kamarul bin Sulaiman, selaku pembimbing program yang membantu saya menyiapkan kertas projek ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Guru Besar, Guru Penolong Kanan, guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Desa Jaya yang telah memberikan komitmen yang tinggi sepanjang saya menjalankan kajian di sekolah ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan terutama Mohamed Bakri, Husry, Rosdida dan En.Zulkefli kerana memberi kerjasama, pandangan dan pendapat.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada kaum keluarga teristimewa buat isteri, Nordiana bt Mohd Yusof dan anak-anak, Syazwan (UiTM), Syamizzat (PMR), Syamir, Farhan dan Syamim Adha. Dorongan, sokongan, bantuan dan semangat kalian banyak membantu saya untuk menyiapkan kertas projek ini. Jasa kalian tidak akan dilupakan sepanjang hayat ku.

Sekian, terima kasih.



ABSTRAK

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar diajarkan dan dikuasai oleh seseorang murid. Oleh hal yang demikian, kajian ini adalah untuk menganalisis keberkesanan penggunaan cakera pada tinteraktif (CDRI) terhadap prestasi penulisan karangan naratif 60 orang murid tahap dua (tahun 4 dan tahun 5) pencapaian sederhana. Sampel kajian dipilih terdiri daripada murid-murid Sekolah Kebangsaan Desa Jaya Maran, yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu 30 murid bagi kumpulan eksperimen dan 30 murid lagi dalam kumpulan kawalan. Kajian berbentuk kuasai eksperimental ini dijalankan untuk membandingkan keberkesanan penggunaan CDRI dengan kaedah pengajaran menggunakan peta minda dalam pengajaran penulisan karangan naratif. Kedua-dua kumpulan telah diberikan dua ujian, iaitu praujian dan pascaujian untuk membandingkan prestasi penguasaan penulisan karangan naratif. Perisian SPSS (*Standard Package for Social Science*) digunakan sebagai alat untuk menganalisis Ujian-t: sampel tak bersandar. Dapatan analisis praujian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min kumpulan eksperimen dan skor min kumpulan kawalan bagi pencapaian karangan naratif, skor min murid kumpulan eksperimen ialah 52.46 (SP=10.22) dan skor min murid kumpulan kawalan ialah 52.60 (SP=11.62). Ujian-t pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan skormin yang signifikan, iaitu $t(58)=0.047, p>.05$. Manakala pada pascaujian pula, skor min murid kumpulan eksperimen mencatatkan 60.86 (SP=12.36), dan murid kumpulan kawalan mencatatkan skor min 53.80 (SP=11.40). Hasil analisis statistik ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan murid ini dalam pencapaian karangan naratif padat $(58)= -2.301, p<.05$. Kesimpulannya, kaedah pengajaran penulisan karangan naratif menggunakan CDRI terbukti lebih berkesan berbanding kaedah pengajaran menggunakan peta minda terhadap prestasi penulisan karangan naratif murid. Justeru, diharap hasil kajian ini dapat memberi galakan kepada guru-guru Bahasa Melayu supaya menggunakan CDRI dengan lebih berkesan untuk membantu murid menjana idea bagi menghasilkan karangan naratif yang baik.

ABSTRACT

Writing skill is the most difficult skill to be taught and to be mastered by a pupil. Therefore, the aim of this study is to analyze the effectiveness of using interactive compact disc (CDRI) on the performance of narrative essay writing of 60 average pupils of level 2 (Year 4 and Year 5). The samples which are selected from Sekolah Kebangsaan Desa Jaya Maran, is divided into two groups, 30 samples of the experimental group and the other 30 samples of the control group. This quasi-experimental research was conducted to compare the effectiveness of the teaching method using CDRI with the teaching method using mind maps in teaching narrative essay writing. Both groups were given two tests, the pre-test and the post-test to compare their performance in the narrative essay writing skills. SPSS (Standard Package for Social Science) software was used to get T-test: Independent Sample. The findings of pre-test analysis showed that there was no significant difference between the mean scores of the experimental group and the control group for the performance of narrative composition. The mean score of pupil of the experimental group was 52.46 (SD = 10.22) while the mean score of pupil for the control group was 52.60 (SD = 11.62). T-test showed that there was no significant differences in mean score which is $t(58) = 0.047$, $p > .05$. Whereas in the post-test, the mean score of pupil of the experimental group was 60.86 (SD = 12.36) while the control group was 53.80 (SD = 11.40). T-test analysis results showed that there was significant differences in the narrative writing performance between these two groups which is $t(58) = -2.301$, $p < .05$. In conclusion, the method of teaching narrative essay writing using the CDRI is more effective compared to the method using mind maps teaching. Therefore, it is hoped that the result of this research will encourage the Bahasa Melayu teachers to use the CDRI effectively to help the pupils generate the ideas as to produce a good narrative essay.

KANDUNGAN

Perkara	Halaman
HALAMAN JUDUL	ii
HALAMAN PENGAKUAN	iii
HALAMAN PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
HALAMAN KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	

BAB SATU : PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	4
1.2 Pendekatan Teori	
1.2.1 Teori Kognitif PembelajaranMultimediaMayer (2001)	9
1.2.2 Teori Perkembangan KognitifPiaget (1977)	13
1.3 Pernyataan Masalah	14
1.4 Tujuan Kajian	20
1.5 Objektif Kajian	20
1.6 Hipotesis	21
1.7 Signifikan Kajian	22
1.8 Kerangka Konsep Kajian	23
1.9 Batasan Kajian	25
1.10 Definisi Operasional	26
1.10.1 Keberkesanan	26
1.10.2 Cakera Padat Interaktif (CDRI)	27
1.10.3 Pembelajaran Penulisan Karangan Naratif	27
1.10.4 Kumpulan Kawalan	29
1.10.5 Kumpulan Eksperimen	29

BAB DUA : SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	31
2.1 Penggunaan ICT (CDRI) dalam Pembelajaran	32
2.2 Keberkesanan ICT (CDRI) dalam Pembelajaran Bahasa Melayu (Penulisan Karangan Naratif)	40
2.3 Pembelajaran Penulisan Karangan Naratif	50
2.4 Teori Pembelajaran Berkaitan ICT	59
2.4.1 Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer (2001)	59
2.4.2 Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1977)	63
2.5 Rumusan	64

BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	65
3.1 Reka Bentuk Kajian	66
3.1.1 Kumpulan Eksperimen	70
3.1.2 Kumpulan Kawalan	70
3.2 Tempat Kajian	71
3.3 Pensampelan Kajian	72
3.3.1 Populasi	72
3.3.2 Sampel	72
3.4 Instrumen Kajian	74
3.4.1 Praujian	75
3.4.2 Pascaujian	76
3.4.3 Skema Pemarkahan	77
3.5 Prosedur Kajian	79
3.5.1 Prosedur Pelaksanaan Rawatan Kumpulan Eksperimen	81
3.5.2 Prosedur Pengajaran Konvensional Kumpulan Kawalan	83
3.6 Kaedah Analisis Data	85
3.7 Rumusan	86

BAB EMPAT: DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	88
4.1 Demografi Responden	90
4.2 Tahap Prestasi Awal Kumpulan Kawalan dan Eksperimen	91
4.3 Perbandingan Keberkesanan Pembelajaran Penulisan Karangan Naratif Kumpulan Eksperimen dengan Kawalan	94
4.4 Tahap Prestasi Awal Mengikut Jantina Kumpulan Eksperimen	97



4.5 Perbandingan Keberkesanan Pembelajaran Penulisan Karangan Naratif Menggunakan CDRI Pelajar Berlainan Jantina	100
4.6 Keberkesanan Pembelajaran Penulisan Karangan Naratif Menggunakan CDRI Kumpulan Eksperimen	103
4.7 Keberkesanan Pembelajaran Penulisan Karangan Naratif Menggunakan Kaedah Konvensional (Peta Minda) Kumpulan Kawalan.	106
4.8 Penutup	110

BAB LIMA : PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan	112
5.1 Perbincangan	113
5.1.1 Mengukur dan Membanding Prestasi Pencapaian Murid Dalam Penulisan Karangan Naratif Menggunakan CDRI dan Peta Minda	113
5.1.2 Mengukur dan Membanding Prestasi Pencapaian Murid Berlainan Jantina Kumpulan Eksperimen	116
5.1.3 Keberkesanan Pembelajaran Penulisan Karangan Naratif Menggunakan CDRI Kumpulan Eksperimen	118
5.1.4 Keberkesanan Pembelajaran Penulisan Karangan Naratif Menggunakan Peta Minda Kumpulan Kawalan	119
5.2 Rumusan Kajian	121
5.3 Cadangan	124
5.3.1 Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu	124
5.3.2 Peranan Guru Bahasa Melayu	125
5.3.3 Pelajar	128
5.3.4 Pentadbiran Sekolah	129
5.3.5 Peranan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	131
5.4 Kesimpulan	132
Rujukan	134
Lampiran 1 (Praujian)	141
Lampiran 2 (Pascaujian)	144
Lampiran 3 (CDRI)	147
Lampiran 4 (Pembelajaran Peta Minda)	165



SENARAI JADUAL

Jadual	Mukasurat
1.1 Analisis Pencapaian Bahasa Melayu Penulisan UPSR SK.Desu Jaya Tahun 2009 – 2011	15
3.1 Reka Bentuk Ujian Pra–Pasca Bagi Kumpulan Tidak Seimbang.	69
3.3.2 Data Sampel Kajian.	74
3.5 Ringkasan Fasa Dalam Prosedur Kajian.	79
3.5.1 Pelaksanaan Rawatan (Pengajaran Karangan Naratif Menggunakan CDRI)	82
3.5.2 Pelaksanaan Pengajaran Menggunakan Peta Minda	84
4.1 Demografi Kajian Dalam Setiap Kumpulan	90
4.2 Taburan Markah Penulisan Karangan Naratif Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan Dalam Praujian	92
4.2.1 Ujian-t Perbandingan Min Prestasi Penulisan Karangan Naratif Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan Dalam Praujian	93
4.3 Taburan Skor Markah Penulisan Karangan Naratif Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan Dalam Pasca ujian	95
4.3.1 Ujian-t Perbandingan Min Prestasi Penulisan Karangan Naratif Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan Dalam Praujian	96
4.4 Taburan Skor Markah Penulisan Karangan Naratif Praujian Antara Murid Lelaki dan Perempuan Kumpulan Eksperimen	98
4.4.1 Ujian-t Perbandingan Min Prestasi Penulisan Karangan Naratif Praujian Antara Murid Lelaki dan Perempuan Kumpulan Eksperimen	99
4.5 Taburan Skor Markah Penulisan Karangan Naratif	101



Pascaujian Antara Murid Lelaki dan Perempuan Kumpulan Eksperimen

4.5.1 Ujian-t Perbandingan Min Prestasi Penulisan Karangan NaratifPascaujian Antara Murid Lelaki dan Perempuan Kumpulan Eksperimen	102
4.6 Taburan Skor Markah Penulisan Karangan Naratif Praujian dan Pascaujian Kumpulan Eksperimen	104
4.6.1 Ujian-t Berpasangan Perbandingan Skor Min Prestasi Praujian dengan Pascaujian Kumpulan Eksperimen	105
4.7 Taburan Skor Markah Penulisan Karangan Naratif Praujian dan Pascaujian Kumpulan Kawalan	107
4.7.1 Ujian-t Berpasangan Perbandingan Skor Min Praujian dengan Pascaujian bagi Kumpulan Kawalan	109
4.8 Keputusan Keseluruhan Pengujian Hipotesis dan AnalisisDapatan.	110





SENARAI RAJAH

Rajah	Mukasurat
1.1 Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer	10
1.2 Kerangka Konsep Kajian	24
2.1 Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer	60



SENARAI SINGKATAN

Singkatan		Makna
ADSL	=	Asymmetric Digital Subscriber Line
CD	=	Compact Disk
CAD	=	Computer Aided Design
CDRI	=	Compact Disk Read Only Memori
DBP	=	Dewan Bahasa dan Pustaka
DK	=	Darjah Kebebasan
ICT	=	Information Computer Technology
IT	=	Information Technology
ISTE	=	International Society of Technology in Education
KK	=	Kumpulan Kawalan
KE	=	Kumpulan Eksperimen
KPM	=	Kementerian Pelajaran Malaysia
LPM	=	Lembaga Peperiksaan Malaysia
LCD	=	Liquid Crystal Display
MIMOS	=	Malaysian Institute of Microelectronic Systems
MSC	=	Multimedia Super Corridor Malaysia
MPPM	=	Maktab Perguruan Perempuan Melayu
PBK	=	Pengajaran Berbantuan Komputer



PK	=	Perisian Khusus
PIPP	=	PelanInduk Pembangunan Pendidikan
PPD	=	Pejabat Pelajaran Daerah
PKG	=	Pusat Kegiatan Guru
P	=	Perhubungan Signifikan
P&P	=	Pengajaran dan Pembelajaran
MEASAT	=	Malaysia East Asia Satellite
MSC	=	Multimedia Super Corridor
SP	=	Sisihan Piawai
UPSR	=	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
VSAT	=	Very Small Aperture Terminal
PPK	=	Pusat Perkembangan Kurikulum
WWW	=	World Wide Web





BAB 1

PENDAHULUAN



1.0 Pengenalan

Dunia kini telah mengiktiraf Malaysia sebagai salah sebuah negara membangun yang maju di rantau Asia Tenggara. Pengiktirafan seperti ini merupakan satu tilik tolak untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020 sebaris dengan negara-negara maju yang lain seperti Amerika, Jepun dan Jerman. Untuk mencapai objektif ini, elemen pendidikan juga perlu dimajukan dan dinaiktarafkan. Keperluan untuk meningkatkan taraf pendidikan rakyat Malaysia adalah sangat penting supaya dapat melahirkan lebih ramai para cerdik pandai dan cendekiawan yang pakar dalam bidang akademik menjelang tahun 2020.





Kini, negara telah memasuki fasa 15 tahun yang kedua ke arah mencapai matlamat utama WAWASAN 2020 iaitu menjadi sebuah negara maju mengikut acuan sendiri. Selaras dengan itu, satu agenda penting kerajaan adalah membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia. Seiring dengan kemajuan ini, negara menghadapi cabaran baru kesan daripada globalisasi, liberalisasi, pengantarabangsaan serta perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi atau *Information Technology And Communication* (ICT). Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyediakan program pembangunan pendidikan yang dapat melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan, celik ICT, berkemahiran dan berakhlak mulia (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010).



Justeru, penggunaan sains dan teknologi dalam semua aspek kehidupan khususnya dalam bidang pendidikan menjadi semakin penting. Hal ini disebabkan perubahan daripada era masyarakat industri (*industrial society*) kepada era masyarakat bermaklumat (*information society*). Rentetan daripada perubahan tersebut, turut mendorong pembaharuan dan penggunaan unsur-unsur kreatif dalam amalan hidup seharian terutamanya dalam bidang pendidikan. Lantaran itu, penggunaan ICT dalam sektor pendidikan akan dipergiatkan bagi memupuk kreativiti dan inovasi pelajar ke arah melengkapkan mereka dengan kemahiran dan keupayaan terkini yang diperlukan oleh negara berpendapatan tinggi (Rancangan Malaysia Ke-10, 2010).

Penggerak utamanya adalah ilmu pengetahuan dan penyebarannya menerusi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Oleh sebab pergantungan yang kuat terhadap teknologi maklumat, maka abad ke-21 dicirikan sebagai abad ICT (Robiah





Sidin dan Nor Sakinah Mohamad, 2003). Perkembangan ini telah mempengaruhi dunia pendidikan terutamanya dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Pelbagai kaedah baru diperkenalkan bagi menjadikan pengajaran guru lebih berkesan dan pembelajaran murid lebih bermakna (Jamalludin dan Zaidatun, 2003). Perkembangan ICT yang pesat ini juga memberi kesan kepada perubahan kurikulum pendidikan Malaysia (Yeoh, 2007).

Secara tradisional, kaedah pembelajaran rata-rata lebih menjurus antara guru dan pelajar. Kaedah ini amat popular di kebanyakan sekolah di negara ini. Melalui kaedah tersebut, guru menjadi sumber ilmu atau sebagai input kepada pelajar. Kini, kaedah pembelajaran sedemikian sudah tidak begitu sesuai lagi. Sebaliknya, peranan guru bertukar sebagai fasilitator atau pengurus dalam bidang pengajaran dan pembelajaran masing-masing. Dalam pada itu, sikap pelajar-pelajar itu sendiri perlu juga berubah daripada pelajar yang pasif kepada pelajar yang berdikari, bermatlamat, berpandangan jauh, mempunyai sifat-sifat yang mulia dan bertanggungjawab dalam segala tindak-tanduknya demi mencapai cita-cita yang dihasratkan (Mohd Hajiman Haji Mat Jusak, 2002).

Justeru, beberapa pengubahsuaian perlu dibuat daripada segi penggunaan media pengajaran dan pembelajaran. Kementerian Pendidikan juga telah mengadakan beberapa reformasi pendidikan bertujuan untuk membaiki dan meningkatkan lagi kemampuan sistem pendidikan untuk menghadapi cabaran yang mendatang. Mohd Arif dan Rosnaini (2003) menyatakan bahawa ICT adalah pengupaya yang menjadi tunjang penting dalam urusan pengajaran pembelajaran dan pengurusan sekolah.





Akhirnya Holmes (1999), memberikan pandangan bahawa integrasi teknologi dalam pembelajaran memerlukan guru yang bersedia dan fleksibel menggunakan teknologi dalam kaedah pengajaran harian dengan mata pelajaran yang diajar. Elemen yang penting dalam mengintegrasikan teknologi ialah pemahaman guru terhadap isi pengajaran dan implikasi berhubung dengan teknologi. Lantaran itu, dengan penguasaan guru dalam isi pengajaran dan implikasi ICT akan menjadikan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas menjadi lebih menarik, berkesan dan seterusnya meningkatkan mutu pendidikan negara.

1.1 Latar Belakang Kajian



Persaingan masyarakat dunia yang lebih hebat dalam abad ke 21 dan perubahan ke arah masyarakat bermaklumat menimbulkan cabaran baru kepada institusi pendidikan. Untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 dan mewujudkan masyarakat bermaklumat, maka inisiatif untuk mengintegrasikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran adalah perlu. Teknologi maklumat dan komunikasi telah mengubah cara hidup manusia berkomunikasi, bekerja serta menjalankan perniagaan. Cabaran ini membawa kepada implikasi yang besar kepada pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah serta bidang penyelidikan. Prasarana telekomunikasi dan sistem maklumat berasaskan multimedia membenarkan pelajar berinteraksi secara aktif dengan maklumat secara sinkroni atau asinkroni. Peranti tambahan seperti CD-ROM Interaktif (CDRI), teknologi video dan digital telah menyediakan satu persekitaran media yang serba





boleh untuk keperluan dan reka bentuk pengajaran guru dan pembelajaran pelajar (Ng Wai Kong dalam Rusmini Ku Ahmad, 2003).

Oleh itu, pengenalan kepada inovasi dalam pendidikan iaitu pengintegrasian ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan perkembangan baik daripada segi ilmu dan pengalaman guru. Inovasi hanya dianggap berjaya apabila guru-guru dapat menerima dan mengaplikasikannya. Misalnya, mereka boleh dan berkeupayaan melaksanakan inovasi tersebut dalam bilik darjah. Selain itu, mereka juga perlu menunjukkan keyakinan yang tinggi terhadap kemampuan mengadaptasikan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran mereka (Hall et al., 1977).



Justeru, dalam era globalisasi, fungsi bahasa masih lagi relevan terutama untuk keperluan berkomunikasi secara interpersonal. Bagi tujuan tersebut, keperluan menggunakan bahasa terutama dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi merupakan keutamaan bagi merealisasikan usaha membentuk masyarakat yang dianggap mempunyai daya saing yang tinggi (Levy, dalam Yahya Othman, Roselan Baki, Naffi Mat, 2009). Menurut Levy, pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer menjadi pemangkin kepada penerokaan ilmu bahasa yang berkesan. Pembelajaran bersifat interaktif mampu menarik minat pelajar untuk lebih yakin terutama dalam menggunakan mod pembelajaran sendiri. Dengan cara tersebut, pelajar juga dapat merancang pembelajaran sesuai dengan kemampuan dan minat.

Dalam pengajaran bahasa, ICT dikatakan berfungsi sebagai alat aplikasi apabila membantu murid melaksanakan tugas pembelajaran, bukan hanya sebagai





mekanisme penyaluran maklumat pengajaran dan pembelajaran. Antara contoh perisian aplikasi khusus yang boleh digunakan untuk membantu guru-guru dan murid-murid melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran ialah editor grafik, *Computer Aided Design* (CAD) dan lain-lain. Menurut Ng Wai Kong dalam Rusmini Ku Ahmad (2003), peranti tambahan seperti CD-ROM Interaktif (CDRI), teknologi video dan digital telah menyediakan satu persekitaran media yang serba boleh untuk keperluan dan reka bentuk guru dan pelajar. Menurut Kozma dalam Shahril (2004);

'learning with media, including computers, as a complementary process within which representations are constructed and procedures performed sometimes by the learner and sometimes by the medium. Computers have a unique set of capabilities among educational media. They not only present information in a range of symbol systems, but also they have the ability to receive, store, process, and manage this information. These are capabilities that enable the computer to construct representations and to perform procedures that students may be unable to do for themselves.'

Justeru, Projek Sekolah Bestari yang bermula pada tahun 1999 telah menyediakan pelbagai perisian khusus (PK) untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, pihak Pembangunan Multimedia (MDeC) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan sebanyak 1494 perisian khusus untuk sekolah bestari yang meliputi empat subjek teras iaitu Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Bahasa Melayu. Kemudian PK tersebut telah diperluaskan untuk sekolah lain apabila PK berbentuk multimedia pendidikan interaktif yang dinamakan CDRI





telah dibangunkan untuk kegunaan pengajaran di sekolah. Salah satu perisian khusus CDRI yang telah dibangunkan dan digunakan untuk melengkapi buku teks dikenali sebagai MyCD. Mata pelajaran yang dibekalkan dengan MyCD ini terdiri daripada mata pelajaran teras sahaja iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, dan Sains (KPM&MSC,2010). Dengan adanya perisian dalam bentuk CD-ROM Interaktif ini, pihak KPM berharap akan memudahkan lagi pengajaran guru khususnya untuk pengajaran Bahasa Melayu.

Sehubungan itu, pelajar yang berpengetahuan memiliki kecekapan mengurus sumber ilmu yang wujud di persekitaran dengan cekap seperti yang ditekankan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Dalam pendidikan Bahasa Melayu, keperluan mendapat ilmu dan maklumat dilakukan melalui pengajaran menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi. Untuk tujuan tersebut, pengajaran Bahasa Melayu khasnya dalam penulisan karangan menggunakan teknologi maklumat telah dilaksanakan dalam sistem pendidikan di sekolah dengan bermatlamatkan agar pelajar dapat meningkatkan lagi kecekapan berbahasa tercatat dalam sukatan pelajaran dan memudahkan mereka menguasai bahasa tersebut (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003).

Dalam kajian Johari dan Juwairiah (2007), berkaitan dengan pembinaan instrumen penilaian perisian CDRI mata pelajaran Fizik sekolah menengah menjelaskan bahawa secara keseluruhannya elemen-elemen yang terdapat dalam CDRI tersebut baik dan praktikal. Perkara ini berdasarkan instrumen penilaian perisian yang telah digunakan oleh mereka dalam kajian yang telah dilaksanakan.





Antara elemen-elemen yang dikaji dalam instrumen penilaian CDRI ialah berkaitan dengan pembinaan item aspek teknikal, pembinaan aspek reka bentuk antara muka perisian, pembinaan aspek multimedia, dan pembinaan aspek interaktif pengajaran. Keseluruhan dapatan menunjukkan perisian CDRI tersebut berada tahap 40 – 50 peratus penerimaan dan sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Fizik. Tetapi dalam perbincangan dapatan, pengkaji berpendapat bahawa instrumen yang dibina masih kurang sesuai untuk digunakan secara komprehensif dan mengukur tahap sebenar kajian.

Oleh itu, dalam sesuatu pengajaran bahasa, orientasi guru terhadap masalah pengajaran dan pembelajaran, khususnya : apa itu ICT dan bagaimana menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran, yang tersimpul daripada pengetahuan psikolinguistik akan menentukan pendekatan pengajaran yang dipilih untuk dijadikan prinsip pengajaran dalam bilik darjah. Justeru, banyak perubahan dilakukan terutama untuk menjadikan pengajaran bahasa menjadi lebih menarik dan mudah dikuasai. Ini dapat dilihat melalui penekanan penggunaan komputer dalam pengajaran bahasa serta mengaplikasikan ICT dalam mencapai maklumat yang dapat membantu penguasaan ilmu yang lebih mantap dan terkini (Yahya Othman, 2005).

Oleh itu, satu kajian ilmiah berkaitan keberkesanan penggunaan CDRI dalam pembelajaran karangan naratif perlu dilakukan dalam usaha meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat impak penggunaan CDRI terhadap pencapaian akademik pelajar khususnya dalam penulisan karangan bagi mata pelajaran Bahasa





Melayu tahap dua. Justeru, pihak guru dan pelajar haruslah bersedia untuk menerima sebarang perubahan dan inovasi yang berlaku dalam pendidikan di negara ini terutama pengajaran dan pembelajaran berasaskan elemen-elemen ICT.

1.2 Pendekatan Teori

Dalam pengajaran dan pembelajaran berbantuan perisian komputer, terdapat beberapa teori yang digunakan. Antaranya ialah Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer (2001) dan Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1977).




1.2.1 Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer (2001)

Menurut Mayer (2001), maklumat yang disampaikan dalam bentuk multimedia membolehkan pembelajaran menjadi lebih bermakna. Teori ini memberi tiga andaian utama bagaimana manusia belajar dalam konteks pembelajaran multimedia. Andaian tersebut adalah tanggapan dua saluran, keupayaan yang terhad dan pemprosesan yang aktif.

Berdasarkan teori ini, sistem pemprosesan maklumat manusia diandaikan terdiri daripada dua saluran berasingan dengan fungsi khusus untuk proses-proses visual (gambar) dan audio (verbal). Setiap saluran mempunyai keupayaan yang terbatas untuk memproses suatu amalan maklumat pada



sesuatu masa. Dengan terlibatnya dua andaian di atas, manusia seterusnya melibatkan diri dalam pembelajaran yang aktif dan memastikan proses-proses kognitif yang saling berhubung kait telah dilaksanakan semasa pembelajaran. Perkara ini dijelaskan oleh rajah teori Kognitif Pembelajaran Mayer di bawah.



(Sumber: Mayer, 2001)

Rajah 1.1 : Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer

Rajah 1.1 menunjukkan fasa-fasa dalam Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer. Maklumat dalam bentuk gambar dan perkataan disalurkan daripada punca-punca luar sebagai persembahan multimedia. Apabila maklumat seperti ilustrasi, animasi, video atau teks di paparan dilihat oleh mata, ia diproses di dalam saluran visual. Begitu juga apabila maklumat

berupa ulasan dan bunyi-bunyi bukan verbal sampai ke telinga, ia akan diproses di dalam saluran audio.

Nadi pembelajaran multimedia sebenarnya berlaku di Ingatan Bekerja. Ruangan ini sebenarnya berfungsi memaparkan sementara dan memanipulasi pengetahuan dalam keadaan sedar. Maklumat yang diproses di Ingatan Deria dihantar ke Ingatan Bekerja. Hasilnya, model-model verbal dan gambar yang terbentuk adalah output yang merupakan pengetahuan yang terbina di dalam ruangan Ingatan Bekerja ini di mana ia telah melalui lima langkah yang terlibat, iaitu memilih imej, memilih bunyi, menyusun imej, menyusun perkataan dan seterusnya menggabungkannya.

Fasa terakhir dalam teori ini ialah Ingatan Jangka Panjang yang setara dengan bank maklumat seseorang. Tidak seperti Ingatan Bekerja, Ingatan Jangka Panjang mampu menyimpan sejumlah pengetahuan untuk suatu jangka masa yang lebih lama. Namun begitu, jika seseorang hendak terus untuk mengingat secara aktif sesuatu bahan dalam fasa ini, ia mestilah dihantar ke Ingatan Bekerja.

Mayer (2001) menyatakan bahawa terdapat tujuh prinsip dalam mereka bentuk pembelajaran multimedia, iaitu:

- a) *Multimedia Principle*: Pelajar belajar dengan lebih baik dengan menggunakan perkataan dan gambar berbanding menggunakan perkataan sahaja.



- b) *Spatial Contiguity Principle*: Pelajar belajar dengan lebih baik apabila perkataan dan gambar yang sepadan dipersembahkan secara berdekatan berbanding dipersembahkan secara berasingan atau pada halaman yang berbeza.
- c) *Temporal Contiguity Principle*: Pelajar belajar dengan lebih baik apabila perkataan dan gambar dipersembahkan secara serentak berbanding secara berturutan.
- d) *Coherence Principle*: Pelajar belajar dengan lebih baik apabila teks, gambar dan bunyi yang dimasukkan ke dalam persembahan tidak berlebihan.
- e) *Modality Principle*: Pelajar belajar dengan lebih baik dengan animasi dan penceritaan (*narration*) berbanding animasi dan teks pada skrin.
- f) *Redundancy Principle*: Pelajar belajar dengan lebih baik daripada animasi dan penceritaan berbanding animasi, penceritaan dan teks pada skrin.
- g) *Individual Differences Principle*: Reka bentuk memberi kesan yang lebih besar kepada pelajar yang berpengetahuan rendah berbanding pelajar berpengetahuan tinggi. Ia juga lebih baik untuk pelajar yang mempunyai ruang kecerdasan tinggi berbanding pelajar yang mempunyai ruang kecerdasan yang rendah.

Melalui penggunaan CDRI ini, guru dan pelajar dapat mengintegrasikan teknologi bagi menghasilkan pembelajaran secara lisan, animasi, video, audio, teks atau secara interaktif. Keadaan ini dapat dikaitkan





dengan kesemua prinsip Mayer yang telah dinyatakan dalam pembinaan bahan multimedia yang baik dan berkesan. Dengan ini, ia akan menghasilkan satu pembelajaran yang mampu membantu pelajar menggunakan dua saluran sebagaimana yang dinyatakan oleh Mayer, iaitu visual (gambar) dan audio (verbal).

1.2.2 Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1977)

Teori ini diperkenalkan oleh Jean Piaget yang merupakan ahli psikologi yang banyak menyumbang kepada perkembangan kognitif pelajar. Berdasarkan kajian dan pemerhatiannya, Piaget mendapati bahawa perkembangan kognitif pelajar berbeza dan berubah melalui empat peringkat, iaitu peringkat deria motor (0–2 tahun), pra-operasi (2–7 tahun), operasi konkrit (7–11 tahun) dan operasi formal (12 tahun ke dewasa). Walau bagaimanapun, usia ini tidak tetap kerana mengikut kemampuan pelajar itu sendiri.

Piaget (1977) menggariskan tiga konsep iaitu skema, asimilasi dan akomodasi yang dapat menjelaskan cara perkembangan mental terjadi. Teori Piaget menyatakan bahawa pada tahap formal, pelajar membuat asimilasi terhadap persekitaran, iaitu menyepadukan pengalaman atau maklumat baru ke dalam skema kognitif sedia ada. Dalam mempelajari dan memahami konsep yang abstrak, pelajar perlu menggunakan asimilasi dalam menyelesaikan satu masalah supaya pemahaman terhadap konsep adalah jelas. Di samping itu,





pelajar perlu membuat akomodasi dengan mengubahsuai skema sedia ada atau membentuk skema baru bagi menyerap rangsangan baru sekiranya konsep atau pengalaman baru itu tidak selaras dengan skema kognitif yang sedia ada (Piaget, 1977).

Sebagai seorang guru, penumpuan kepada pelajar harus diberikan pada peringkat operasi formal. Hal ini kerana ketika peringkat usia tersebut pelajar mampu berfikir secara logik tentang konsep abstrak dan dapat menguji hipotesis dengan sistematik. Oleh itu, pengintegrasian ICT yang sesuai dalam proses P&P dapat membantu pelajar memahami konsep abstrak dengan baik.



1.3 Pernyataan Masalah

Penulisan karangan adalah salah satu aspek yang penting dalam kemahiran bahasa Melayu KBSR sekolah rendah. Dalam peperiksaan UPSR ujian penulisan karangan adalah salah satu bahagian yang diuji dalam peperiksaan tersebut. Namun begitu, pada tahun 2011 peratusan pencapaian gred A ujian penulisan Bahasa Melayu UPSR peringkat kebangsaan, negeri Pahang dan daerah Maran telah menunjukkan kejatuhan berbanding tahun 2010.

Hasil analisis Lembaga Peperiksaan Malaysia (KPM, 2011) yang membandingkan pencapaian bahasa Melayu penulisan tahun 2010 dengan tahun 2011, telah berakut penurunan peratusan pencapaian gred A sebanyak 0.6 peratus iaitu





daripada 49.5 peratus (2010) kepada 48.9 peratus (2011). Begitu juga dengan laporan Jabatan Pelajaran Pahang yang diumumkan oleh pengarah semasa menganalisis keputusan UPSR 2011, telah terdapat penurunan pencapaian gred A bagi subjek Bahasa Melayu penulisan berbanding tahun 2010. Pada tahun 2010 peratusan pelajar mendapat gred A di Pahang ialah 54.34 peratus tetapi telah menurun sebanyak 2.81 peratus pada tahun 2011 menjadikan 51.43 peratus sahaja.

Perkara yang lebih membimbangkan lagi ialah apabila berlaku penurunan peratus pencapaian lulus gred A, B dan C selama tiga tahun berturut-turut (2009 hingga 2011) dalam peperiksaan kertas Bahasa Melayu penulisan UPSR di SK.Desu Jaya. Dapatan analisis data peperiksaan menunjukkan telah berlaku penurunan peratusan lulus keseluruhan dalam ujian penulisan UPSR di sekolah ini. Maklumat ini ditunjukkan oleh jadual di bawah.

Jadual 1.1 : Analisis Pencapaian Bahasa Melayu Penulisan UPSR SK. Desu Jaya tahun 2009 – 2010

Tahun	Bil. Calon	Gred A	%	Gred B	%	Gred C	%	Gred D	%	Gred E	%	Jum. Lulus	%
2009	42	22	52.4	14	33.3	3	7.1	1	2.4	2	4.8	39	92.9
2010	60	24	40.0	17	28.3	8	13.3	7	11.7	4	6.7	49	81.7
2011	56	17	30.4	15	26.8	12	21.4	9	16.1	3	5.4	44	78.6

(Sumber: Fail Analisis Peperiksaan UPSR GPK 1 SK. Desu Jaya)





Data tersebut menunjukkan telah berlaku penurunan peratusan lulus keseluruhan daripada 92.9 peratus(2009) kepada 81.7 peratus (2010) dan 78.6 peratus (2011). Selain itu juga berlaku penurunan dalam pencapaian gred A iaitu daripada 52.4 peratus (2009) kepada 40.0 peratus (2010) dan 30.4 peratus (2011).

Justeru, melihat akan fenomena ini pihak pengkaji percaya bahawa salah satu penyebab berlakunya penurunan ini ialah berkaitan dengan penggunaan kaedah pembelajaran dan bahan bantu mengajar yang digunakan guru dalam kelas. Mohd. Aris Othman (2004), dalam kajiannya menyatakan bahawa melalui penggunaan BBM dalam pengajaran, pelajar bukan sahaja boleh nampak pergerakan yang dilakukan tetapi pelajar dapat memperbaiki kesalahan yang dilakukan semasa menjalankan aktiviti tersebut. Pelajar yang pintar dapat belajar dengan sendiri menggunakan alat-alat media dan guru hanya perlu membantu pelajar yang lemah. Oleh itu salah satu tujuan kajian ialah melihat tentang keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar ketika pengajaran penulisan di dalam kelas. Pengkaji percaya bahawa pengajaran dan pembelajaran berbantuan CDRI dan ICT dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam ujian penulisan Bahasa Melayu UPSR.

Justeru, pihak kementerian telah membangunkan dan membudayakan ICT dalam kalangan rakyat Malaysia yang dipercepatkan dengan penubuhan Koridor Raya Multimedia yang mempunyai tujuh aplikasi perdana berkaitan aktiviti berkaitan ICT dalam pelbagai sektor. Salah satu aplikasi tersebut adalah Sekolah Bestari yang pelaksanaannya menekankan penggunaan ICT sebagai pengupaya pedagogi dan pengurusan sekolah (PIPP, EPRD 2006). Perkembangan teknologi maklumat dunia



turut memberi impak yang besar terhadap dunia pendidikan di Malaysia. Seajar dengan perkembangan tersebut, inovasi terhadap kurikulum pendidikan menekankan kepada aplikasi kaedah, teknik dan strategi pengajaran khususnya menggunakan integrasi ICT sebagai amalan dalam kalangan guru dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (Rahmad Sukor et al. 2008).

Oleh itu, kerajaan telah melaksanakan pelbagai projek dan program ICT dalam pendidikan seperti Projek Makmal Komputer, Program Sekolah Bestari, pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dan Projek School Net untuk memantapkan lagi pendidikan negara. Langkah ini adalah tepat dengan masanya dan kelihatan perkara ini telah berjaya menggerakkan minat warga pendidik melibatkan diri dalam ICT.

Walau bagaimanapun, hasil dapatan pemantauan dan penganalisan data yang telah dilaksanakan pihak KPM dan MSC menunjukkan PK termasuk CDRI kurang digunakan oleh guru secara keseluruhan dalam pelbagai mata pelajaran walaupun PK memenuhi kurikulum yang ditetapkan KPM dan mempunyai aspek kosmetik yang sederhana baik. Kebanyakan guru tidak berkebolehan mengintegrasikan PK (CDRI) dalam pengajaran mereka sehingga ke peringkat inovasi. Dapatan juga menunjukkan aspek nilai tambah PK berasaskan ciri-ciri unik multimedia dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran perlu dipertingkatkan (KPM & MSC, 2010).

Kejayaan pengajaran secara konvensional memang tidak boleh dipertikaikan, namun ia juga mendatangkan pelbagai masalah dan kekangan. Dalam pengajaran



konvensional, komunikasi sehalal banyak berlaku dengan cara seseorang guru berperanan sebagai penyalur maklumat, manakala pelajar pula bertindak sebagai penerima maklumat yang pasif. Paling tidak, terdapat kesan negatif jangka panjang penggunaan kaedah ini terutama terhadap pengajaran karangan naratif dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kesan pertama, ia menghilangkan minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut. Kedua, mereka akan beranggapan mata pelajaran yang dipelajari tersebut sukar untuk difahami. Ketiga, kaedah tersebut juga menyebabkan pelajar kurang berinteraksi dengan guru disebabkan jumlah pelajar yang ramai di dalam sesebuah kelas. Keempat, interaksi pelajar dengan mata pelajaran itu sendiri turut terbatas. Hal ini adalah kerana agak sukar bagi seseorang guru untuk mengajar mengikut keperluan pelajarannya serta memenuhi tahap keupayaan pembelajaran setiap pelajar di bawah bimbingannya. Kelima, pelajar juga sukar untuk menentukan sejauh mana mereka boleh memahami pengajaran guru mereka (Shazalmi, 2009). Kelima-lima kesan itu akhirnya akan menyebabkan pencapaian akademik pelajar khususnya dalam penulisan karangan naratif mata pelajaran Bahasa Melayu akan semakin menurun dan merosot.

Kajian yang telah dijalankan oleh beberapa ahli akademik menunjukkan di setengah-setengah sekolah memang ada disediakan pelbagai bahan pengajaran sebagai alat bantu mengajar. Malangnya, sangat sedikit bilangan guru bahasa dan sastera yang mahu menggunakannya dengan alasan tidak tahu cara menggunakannya, tiada pendedahan tentang cara pemilihan dan bahan pengajaran, menghadapi beban tugas mengajar, aktiviti kokurikulum yang begitu banyak, padat dan membebankan serta seribu alasan lagi (Abdul Rasid Jamian, 2006).





Kemunculan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan penggunaan ICT semakin mendapat perhatian. Penggunaan ICT membolehkan potensi pelajar ditingkatkan sama ada daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek yang mana kekuatan daya fikiran serta penerapan nilai secara eksplisit dapat diketengahkan (Rahmad Sukor et al., 2008). Menurut Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir (2003), penggunaan pelbagai media dalam proses penyampaian maklumat mampu merangsang minda pelajar, di samping tidak membosankan.

Menurut Nur Hafizah (2009), pendekatan pengajaran berkesan adalah isu paling penting yang perlu diberi perhatian secara serius. Menyedari isu ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mula menyusun kaedah baharu yang akan dapat mencetuskan semangat kepada kedua-dua pihak iaitu guru dan pelajar dalam usaha menangani strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Pelbagai pihak percaya bahawa pembelajaran yang menggabungkan teknologi (pengajaran berasaskan komputer) adalah penyelesaian yang terbaik dan seterusnya menjadikan pembelajaran lebih menarik terutama dengan penggunaan bahan-bahan multimedia.

Justeru melihat akan permasalahan tersebut maka pengkaji melakukan kajian ini. Selain itu, diharap kajian ini dapat membantu pihak pentadbir sekolah, guru dan pelajar menangani masalah yang dihadapi dalam penulisan karangan peringkat peperiksaan UPSR sekolah rendah.





1.4 Tujuan Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan mengenal pasti sama ada pendekatan pengajaran penulisan karangan menggunakan CDRI buku teks mata pelajaran Bahasa Melayu memberikan kesan yang lebih baik berbanding dengan pengajaran penulisan karangan dengan penggunaan peta minda terhadap pencapaian penulisan karangan naratif murid.

Justeru, kajian ini juga bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan dan pengintegrasian CDRI mata pelajaran Bahasa Melayu yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan naratif. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memberi cadangan kepada pembuat dasar dan guru-guru di sekolah untuk menggunakan prinsip-prinsip pengintegrasian yang dihasilkan di dalam kajian ini. Dapatan kajian diharap dapat membantu guru untuk mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran daripada kaedah konvensional dengan menggunakan peta minda kepada pengajaran pengintegrasian ICT khususnya penggunaan CDRI.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk melihat keberkesanan pembelajaran karangan naratif yang menggunakan CDRI buku teks terhadap prestasi penulisan





karangan naratif dalam kalangan murid tahap 2 Sekolah Kebangsaan Desa Jaya.

Manakala objektif khusus kajian ini ialah:

- i) Mengukur dan membanding prestasi pencapaian murid dalam penulisan karangan naratif menggunakan CDRI dan kaedah menggunakan peta minda.
- ii) Mengukur dan membanding prestasi pencapaian antara murid berlainan jantina yang mengikuti pembelajaran karangan naratif menggunakan CDRI.
- iii) Mengukur dan membandingkan keberkesanan penggunaan CDRI dalam pembelajaran karangan naratif kumpulan eksperimen berdasarkan praujian dan pascaujian.
- iv) Mengukur dan membandingkan keberkesanan penggunaan kaedah peta minda dalam pembelajaran karangan naratif kumpulan kawalan berdasarkan praujian dan pascaujian.

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis nol dibina bagi menjawab objektif kajian yang telah dinyatakan di atas.

Terdapat enam hipotesis nol yang telah dibina iaitu:

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min prestasi penulisan karangan naratif keseluruhan praujian antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.

H_{02} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min prestasi





penulisan karangan naratif keseluruhan pascaujian antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.

H₀₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min prestasi penulisan karangan naratif keseluruhan praujian antara murid lelaki dengan murid perempuan dalam kumpulan eksperimen.

H₀₄: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min prestasi penulisan karangan naratif keseluruhan pascaujian antara murid lelaki dengan murid perempuan dalam kumpulan eksperimen.

H₀₅: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min prestasi penulisan karangan naratif keseluruhan antara praujian dengan pascaujian dalam kumpulan eksperimen.



H₀₆: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min prestasi penulisan karangan naratif keseluruhan antara praujian dengan pascaujian dalam kumpulan kawalan.

1.7 Signifikan Kajian

Keputusan kajian ini dapat digunakan sebagai panduan kepada guru bagi mengaplikasikan pendekatan pengajaran pengintegrasian ICT menggunakan CDRI buku teks dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan naratif Bahasa Melayu. Adalah diharapkan pendekatan ini dapat meningkatkan mutu pengajaran dan pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya untuk kertas 2 iaitu Bahasa Melayu penulisan seterusnya akan melonjakkan peratusan pencapaian





gred A dan lulus keseluruhan dalam peperiksaan UPSR khusus murid Sekolah Kebangsaan Desa Jaya. Selain itu, penggunaan CDRI ini akan dapat mempertingkatkan dan mempelbagaikan kaedah pengajaran guru dalam bilik darjah. Akhirnya, diharap kaedah sebegini meningkatkan minat dan perhatian murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu oleh guru di dalam kelas.


1.8 Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kajian eksperimental kuasi yang terdiri daripada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen (rawatan). Enam hipotesis untuk kajian ini telah dibina untuk melihat signifikan penggunaan CDRI dalam pembelajaran penulisan karangan naratif di sekolah rendah (sk). Manakala, subjek kajian terdiri daripada murid daripada sebuah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Desa Jaya di kawasan pinggir kawasan Felda yang terdiri daripada pelajar tahap dua.

Kumpulan eksperimen akan diberikan rawatan iaitu pembelajaran karangan naratif menggunakan CDRI manakala kumpulan kawalan akan menggunakan kaedah pengajaran menggunakan peta minda dalam pembelajaran karangan naratif. Kedua-dua kumpulan akan diberikan praujian sebelum sesi rawatan dan pascaujian iaitu setelah 3 sesi pembelajaran dilaksanakan. Kemudian, hasil dapatan akan dianalisis menggunakan statistik infrensi iaitu ujian-t sampel bebas dengan berbantuan perisian



SPSS v.16.0. Ringkasan kerangka kajian ditunjukkan oleh rajah 1.2 di muka surat berikutnya.



Rajah 1.2 : Kerangka konsep kajian



1.9 Batasan Kajian

Kajian ini tidak dapat menggambarkan secara menyeluruh terhadap masalah yang dikaji dan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua murid sekolah seluruh negara. Berikut dinyatakan batasan-batasan dalam kajian ini.

Kajian ini terbatas kepada dua kumpulan murid tahap dua yang terdiri daripada murid tahun 4 dan tahun 5 di SK. Desa Jaya . Sekolah ini merupakan sebuah sekolah luar bandar yang terletak di pinggir Tanah Rancangan Felda di daerah Maran, Pahang. Jumlah keseluruhan sampel kajian ialah murid 60 orang yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen 30 orang dan kumpulan kawalan 30



Batasan masa yang dihadkan untuk rawatan hanya tiga sesi pengajaran atau tiga jam untuk setiap kumpulan murid tidak memadai. Satu sesi pengajaran bersamaan dengan satu jam atau 60 minit sahaja. Selain itu, dapatan kajian ini hanya tertumpu kepada penggunaan CDRI buku teks Bahasa Melayu tahap dua dan penggunaan peta minda dalam pengajaran karangan naratif dan tidak boleh digeneralisasikan kepada mata pelajaran lain dalam KBSR.





1.10 Definisi Operasional

1.10.1 Keberkesanan

Keberkesanan adalah perihal berkesan, berkesannya (sesuatu tindakan, perubahan) atau sesuatu tindakan itu dapat dilihat daripada hasil yang diperolehi sesudahnya. Menurut (Siti Atiqah, 2008) keberkesanan ialah menimbulkan hasil (kesudahan dan sebagainya) yang diharapkan membawa kepada sesuatu perubahan (perkembangan), efektif atau mendatangkan sesuatu pengaruh kepada pemikiran (sikap, watak dan sebagainya) seseorang atau sesuatu golongan dan lain-lain (seperti mengubah sikap, membangkitkan sesuatu kecenderungan atau perasaan dan sebagainya). Dalam kajiannya, keberkesanan merujuk kepada hasil yang diperolehi daripada pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan, hasil pula diperolehi dengan melihat kepada pencapaian akademik pelajar bagi subjek yang diuji.

Dalam kajian ini, keberkesanan merujuk kepada prestasi pencapaian yang diperolehi setelah mengikuti pengajaran dan pembelajaran karangan naratif yang menggunakan CDRI. Prestasi pencapaian merujuk kepada skor praujian dan pascaujian penulisan karangan naratif yang diberikan.





1.10.2 Cakera Padat Interaktif (CDRI)

CD-ROM Interaktif adalah istilah daripada *compact disk read only memori interactivity* (CDRI). Halimah dalam KPM dan MSC (2010) mendefinisikan CD interaktif adalah multimedia sebagai kesepaduan di antara pelbagai media: teks, imej, numerik, grafik, video, animasi dan suara dalam satu persekitaran digital, di samping mempunyai keupayaan membolehkan pengaliran maklumat dua hala yang berterusan antara komputer dengan penggunaanya, atau antara pengguna dengan pengguna melalui komputer.

Gibson dalam KPM dan MSC (2010), mendefinisikan CDRI sebagai satu sistem yang menggabungkan pelbagai media seperti teks, grafik, suara imej, animasi dan video yang membolehkan berlakunya interaktif. Oleh itu, dalam kajian ini CDRI merujuk kepada CD atau MyCD interaktif yang dibekalkan bersama buku teks Bahasa Malaysia Tahun 4, 5 dan 6 oleh pihak Kementerian Pelajaran untuk pelajar dan kandungannya disesuaikan mengikut sukatan Bahasa Melayu.

1.10.3 Pembelajaran Penulisan Karangan Naratif

Pembelajaran penulisan merupakan proses atau pengajaran yang dilaksanakan oleh guru dalam bilik darjah. Menulis merupakan satu proses merakam atau menghasilkan bahan berbentuk idea, pendapat, pengalaman, perasaan, dan





maklumat dalam bentuk tulisan untuk berhubung dengan orang lain atau dengan diri (Nor Asiah binti Ismail, 2011). Menurut Ahmad Kahir Mohd Nor (2007), penulisan ialah penghasilan teks karangan berbentuk (berita, cerita, esei dan surat) dengan melibatkan proses.

Seterusnya, Yahya Othman (2005), menyatakan bahawa kemahiran menulis adalah menggunakan simbol visual yang berfungsi sebagai komunikasi. Ini selari dengan Huraian Sukatan Pelajaran (KPPK, 2003) menghuraikan kemahiran menulis sebagai keupayaan murid menulis perkataan dan ayat serta mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan kreatif yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang kemas.

Akhirnya istilah karangan naratif pula berkaitan dengan cerita atau kisah tentang peristiwa, pengalaman, yang telah ditulis. Karangan naratif menampilkan pengenalan, perkembangan dan akhiran (Mahzan Arshad, 2003). Penulisan naratif boleh bersifat peribadi dan umum. Penulisan karangan naratif peribadi merupakan peristiwa yang melibatkan diri penulis sendiri. Manakala penulisan karangan naratif umum pula peristiwa yang didengar atau imaginasi oleh penulis. Penulisan naratif biasanya dipaparkan mengikut urutan yang kronologi (Roselan Baki, 2003). Dalam kajian ini pembelajaran penulisan karangan naratif adalah merujuk kepada penulisan karangan



berbentuk cerita atau naratif berkaitan dengan pengalaman murid yang disesuaikan dengan sukatan Bahasa Melayu KBSR.

1.10.4 Kumpulan Kawalan

Kumpulan kawalan ialah sebuah kumpulan yang dibentuk untuk tujuan kajian berbentuk kuasi eksperimental (Noraini Idris, 2010). Kumpulan ini terdiri daripada sampel atau subjek yang tidak seimbang dan tidak menerima rawatan yang dilaksanakan dalam kajian. Pemilihan sampel dilakukan secara pensampelan bertujuan memandangkan reka bentuk kuasi eksperimental digunakan dalam kajian ini (Chua Yan Piaw, 2006).

Oleh itu, dalam kajian ini kumpulan kawalan ialah kumpulan murid seramai tiga puluh orang yang mengikuti pembelajaran penulisan karangan naratif secara menggunakan peta minda. Kumpulan kawalan ini, sampelnya tidak mempunyai keseimbangan daripada aspek bilangan jantina, umur dan pencapaian akademik.

1.10.5 Kumpulan Eksperimen

Kumpulan eksperimen ialah sebuah kumpulan yang dibentuk untuk tujuan kajian berbentuk kuasi eksperimental (Noraini Idris, 2010). Kumpulan ini terdiri daripada sampel atau subjek yang tidak seimbang dan menerima

rawatan yang dilaksanakan dalam kajian. Pemilihan sampel dilakukan secara pensampelan bertujuan adalah lebih sesuai memandangkan reka bentuk kuasi eksperimental digunakan (Chua Yan Piaw, 2006).

Oleh itu, dalam kajian ini kumpulan eksperimen ialah kumpulan murid seramai tiga puluh orang yang mengikuti rawatan atau pembelajaran penulisan karangan naratif menggunakan CDRI. Kumpulan eksperimen ini juga, sampelnya tidak mempunyai keseimbangan daripada aspek bilangan jantina, umur dan pencapaian akademik.